

**MPK Cipta Sejarah PBT Pertama Negara Guna Khidmat Pengurusan Dan  
Pengimejan Dokumen  
Bernama  
16 April , 2012**

KEMAMAN, 16 April (Bernama) -- Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) mencipta sejarah tersendiri sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di negara ini yang mendapatkan khidmat pengurusan dan pengimejan dokumen Percetakan Nasional Malaysia Bhd (PNMB).

Yang Dipertua MPK Mustafar Khalid berkata menerusi khidmat itu, ia mampu meningkatkan produktiviti MPK selain dokumen yang ada boleh disimpan dalam keadaan terjamin dan selamat.

Menurutnya pertukaran dokumen kepada format digital yang boleh disimpan memberi kemudahan kepada semua pihak di mana ia boleh dirujuk dengan mudah dan sekaligus memberi khidmat terbaik kepada seluruh penduduk Kemaman.

"Walaupun projek terbabit menelan perbelanjaan yang tinggi iaitu sebanyak RM500,000, namun untuk jangka masa panjang, kami yakin ia akan menguntungkan dan memberi manfaat kepada semua," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian khidmat kerjasama antara MPK yang diwakil olehnya dan Setiausahanya Shahidan Embok dan Pengarah Urusan PNMB Izham Yusoff disaksikan Pengurus Besarnya Azman Yunus di sini, Isnin.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659413>